

KUALA LUMPUR, 3 DIS. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM MENGGUNAKAN SUMBER MASING-MASING TERMASUK MODAL, BURUH DAN TEKNOLOGI UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI SATU KUASA YANG BERSESUAIAN DENGAN USAHA PEMBANGUNAN MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN USAHA HENDAKLAH DIBUAT MELALUI BANK PEMBANGUNAN ISLAM SERTA HUBUNGAN DUA HALA UNTUK DIJADIKAN RAKAN PERKONGSIAN BAGI MENUBUHKAN PERUSAHAAN USAHASAMA BAGI MEMPROSES BAHAN MENTAH MASING-MASING NEGARA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT KEDUA PAKAR-PAKAR ISLAM MENGENAI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN DI SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN 40 BUAH NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN ITU KINI MEMBEKALKAN 60 PERATUS DARIPADA KEPERLUAN MINYAK DAN BIJIH TIMAH DUNIA, 40 PERATUS KEPERLUAN KAPAS, SATU PERTIGA DARIPADA BEKALAN GETAH MENTAH 30 PERATUS KAYU BALAK DAN SATU PERLIMA DARIPADA KEPERLUAN MINYAK SAYURAN.

SUMBER-SUMBER INI BOLEH MEMBANTU MEWUJUDKAN SKOP YANG LUAS BAGI PENUBUHAN USAHASAMA UNTUK MEMPROSES BARANGAN TERSEBUT.

+DENGAN ADANYA SUMBER, TENAGA KERJA DAN PANDANGAN YANG JELAS MENGENAI KEPERLUAN KITA, KITA AKAN DAPAT MEWUJUDKAN SATU PERUSAHAAN MODAL YANG BOLEH MENGELUARKAN BARANG-BARANG YANG SEJAJAR DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN KITA, + UJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU MEREKA MENGADAKAN ASAS PENYELIDIKAN DAN KEUPAYAAN PRODUKTIF YANG DIPERLUKAN BAGI MEMAJU SERTA MEMBEKALKAN BARANG-BARANG SEUMPAMA ITU. — BERSAMBUNG 1510/SZ

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, USAHA MENDAPATKAN TEKNOLOGI BARU ADALAH SULIT DAN KEBANYAKAN MODAL BARU YANG DIADAKAN ADALAH UNTUK NEGARA-NEGARA BARAT.

TETAPI NEGARA ANGGOTA PERSIDANGAN ISLAM YANG TELAH BANYAK MENDAPAT FAEDAH DARI KENAIKAN HARGA MINYAK KINI MENJADI PENDERMA MODAL PEMBANGUNAN.

BELIAU MENYATAKAN SEDANG BANTUAN PEMBANGUNAN DARI NEGARA-NEGARA OECD HANYA BERJUMLAH 0.34 PERATUS DARIPADA KELUARAN NEGARA MEREKA IAITU JAUH LEBIH RENDAH DARIPADA MATLAMAT 0.75 PERATUS, NEGARA-NEGARA ISLAM MENYUMBANGKAN 2.1 PERATUS DARIPADA PENDAPATAN NEGARA MEREKA SEBAGAI BANTUAN PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHTHIR BERKATA MALAYSIA DIJANGKA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH AKTIF DAN POSITIF DALAM PENYEDIAAN BANTUAN TEKNIKAL KEPADA LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN, TERMASUK NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN ITU.

+SAYA YAKIN PEMBANGUNAN SATU TEKNOLOGI YANG SEWAJAR AKAN BERLAKU APABILA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SENDIRI MENYEDIAKAN ASAS PENYELIDIKAN SERTA KEUPAYAAN PRODUKTIF YANG DIPERLUKAN BAGI MENGADAKAN DAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG SEUMPAMA ITU+, TAMBAHNYA.

—BERSAMBUNG 1610/MD
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGGESA PARA PERWAKILAN DARI 12 NEGARA ANGGOTA DAN EMPAT BUAH PERTUBUHAN ISLAM KE SIDANG ITU SUPAYA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DUNIA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENJAMIN KEADILAN EKONOMI DENGAN MENGGABUNGAN TEORI-TEORI EKONOMI BARAT DAN ISLAM MENGENAI MASALAH PERTUMBUHAN DAN EKUITI.

KATANYA, SEJAK DULU LAGI PEMBANGUNAN TELAH DIPANDANG DARI KACAMATA DAN FALSAFAH BARAT WALAUPUN SISTEM BARAT TELAH MENDATANGKAN BANYAK FAEDAH KEPADA MANUSIA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PANDANGAN YANG DISIFATKAN SEBAGAI SAINTIFIK DAN BERKECUALI ITU BERHUBUNG DENGAN PEMBAHAGIAN SEMULA HASIL PERTUMBUHAN TELAH MENYEBABKAN SEDIKIT SAHAJA PERTIMBANGAN DIBERIKAN TERHADAP SOAL EKUITI.

PERTUMBUHAN TANPA PEMBAHAGIAN SEMULA ADALAH SATU DASAR YANG TELAH BANGKRAP+, TEGASNYA. —BERSAMBUNG 1615/MD
MAHATHIR-ISLAM 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHTHIR JUGA MENGGESA PENYUSUNAN SEMULA HUBUNGAN EKONOMI SECARA TRADISI SUPAYA SISTEM EKONOMI DUNIA LEBIH MENGGALAKKAN KEPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN YANG SAH DI DUNIA KETIGA.

MENURUTNYA, SISTEM SEKARANG YANG BERDASARKAN KEPADA IMBANGAN KUASA SEJARAH DAN DASAR-DASAR PERLINDUNGAN BOLEH DIATASI DENGAN MENGADAKAN DASAR-DASAR YANG MENGALIHKAN PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN BIDANG KERJASAMA EKONOMI DARI SALURAN SEJARAH KEPADA CARA-CARA BARU.

BELIAU MENEGASKAN, BIDANG PERDAGANGAN DAN KERJASAMA - PELUANG MEMBUKA HUBUNGAN BARU - ADALAH BESAR.

+KAMI YAKIN DALAM TAHUN-TAHUN AKAN DATANG, KITA AKAN DAPAT MENGERAHKAN SEPANUHNYA SUMBER POLITIK, EKONOMI, TEKNOLOGI DAN SEBAGAINYA DI DUNIA ISLAM KE ARAH MEMENUHI KEPERLUAN UMMAH ISLAM.

+SAYA JUGA SAMA-SAMA YAKIN DI MASA DEPAN, KEGIATAN DAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM DI BIDANG EKONOMI, PENGURUSAN KEWANGAN, SAINS DAN TEKNOLOGI, PERKAPALAN DAN PERDAGANGAN AKAN LEBIH MAJU UNTUK MEMBERI SUMBANGAN BESAR UNTUK KEMAJUAN DUNIA ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MELAHIRKAN RASA AMAT DUKACITA UMAT ISLAM TENTANG PENDUDUKAN TEUS BANDAR SUCI BAITULMUQADDIS DAN JUGA TRAJIDI YANG MENIMPA RAKYAT PALESTIN.

MENURUTNYA, PERISYTIHARAN TAHUN HIJRAH 1400 SEBAGAI +TAHUN AL-QUDS+ MENCERMINKAN SOKONGAN KUAT UMAT ISLAM DI SELURUH DUNIA TERHADAP PERJUANGAN ADIL RAKYAT PALESTIN DAN JUGA MASA DEPAN BAITUL MUQADDIS.

TURUT HADIR DI UPACARA PEMBUKAAN ILALAH TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI SYED NASIR ISMAIL DAN PENOLONG SETIAUSAHA AGONG PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM. DR. C. F.